

BAJET 2009:Garis Panduan Memohon Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan Ke Atas Peralatan Bagi Aktiviti Penjimatan Tenaga (*Energy Efficiency – EE*)

Pengenalan

Dalam Bajet 2009 galakan berikut diberi untuk menggalakkan dan memperluaskan aktiviti penjimatan tenaga (*Energy Efficiency*):

- i) Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti *high efficiency motors* dan *insulation materials* kepada pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- ii) Pengecualian cukai jualan diberi ke atas pembelian barangan pengguna EE seperti peti sejuk, alat penyaman udara, lampu, kipas angin dan televisyen yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.

Kriteria Kelayakan Permohonan

1. Permohonan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan EE seperti *high efficiency motors* dan *insulation materials* layak dipertimbangkan jika memenuhi syarat–syarat berikut:

- i. Pemohon adalah merupakan pengimport termasuk agen yang diiktiraf yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan peralatan yang dipohon telah mendapat pengesahan peralatan EE daripada ST.
- ii. Pemohon hendaklah mendapatkan surat pengesahan peralatan EE daripada Suruhanjaya Tenaga terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.
- iii. Peralatan yang dipohon adalah untuk kegunaan pengguna terakhir (*end user*).

2. Permohonan pengecualian cukai jualan ke atas pembelian barangan pengguna EE akan dipertimbangkan jika memenuhi syarat–syarat berikut:

- i. Barangan pengguna EE yang dipohon mestilah dikeluarkan oleh pengeluar tempatan.
- ii. Peralatan yang dipohon adalah untuk kegunaan pengguna terakhir (*end user*).

- iii. Pemohon hendaklah mendapatkan surat pengesahan peralatan EE daripada Suruhanjaya Tenaga terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan.

Tempoh Permohonan Pengecualian

Permohonan untuk galakan ini diterima mulai **30 Ogos 2008 hingga 31 Disember 2010**.

Prosedur Permohonan

- i. Borang permohonan (PC Services 2007) boleh diperolehi di laman web www.mida.gov.my
- ii. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Kemajuan Industri Malaysia
Blok 4, Plaza Sentral
Jalan Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 KUALA LUMPUR
(u.p: Bahagian Industri Perkhidmatan dan Perniagaan)

Tel: 03 – 2267 3633
03 – 2274 3633

Faks: 03 – 2274 7970
Email: mida@mida.gov.my